

## Hubungan antara Motivasi dan Pemikiran Kreatif dalam Kalangan Pelajar BBF bagi Projek Sarjana Muda

### *The Relationship Between Motivation and Creative Thinking Among the Students of BBF for Project Sarjana Muda*

Farah Amiera Ahza Ahmad<sup>1</sup>, Hashima Hamid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor*

\*Pengarang Utama: [hashima@uthm.edu.my](mailto:hashima@uthm.edu.my)  
DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.01.004>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 17 February 2025  
Diterima: 14 Jun 2025  
Diterbitkan: 30 Jun 2025

#### Kata Kunci

Motivasi, pemikiran kreatif, projek Sarjana Muda

#### Abstrak

Pemikiran kreatif adalah salah satu elemen yang diberi penekanan dalam Standard Program Pendidikan dan Standard Multimedia Kreatif. Penekanan elemen kreatif sentiasa dititik beratkan terutama dalam kurikulum program Sarjana Muda Pendidikan (Vokasional) Multimedia Kreatif UTHM atau dikenali dengan kod program BBF. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan antara motivasi dan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar bagi program BBF yang sedang menjalankan Projek Sarjana Muda (PSM). Kajian kuantitatif ini dilakukan bagi tujuan mengenal pasti faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi elemen-elemen pemikiran kreatif seperti keaslian, kebergunaan, kelancaran, fleksibiliti, dan penyelesaian masalah. Data telah dikumpulkan dan di analisis secara deskriptif dan korelasi untuk menilai persepsi pelajar terhadap faktor-faktor ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara motivasi dan pemikiran kreatif, di mana kedua-dua motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan penting dalam merangsang kreativiti pelajar. Motivasi intrinsik, yang didorong oleh minat dan keinginan, mendorong pelajar untuk meneroka penyelesaian inovatif dan bertahan dalam menghadapi cabaran sepanjang pelaksanaan PSM mereka. Motivasi ekstrinsik pula, dipengaruhi oleh faktor luaran seperti ganjaran atau penghargaan. Dalam masa yang sama, faktor ekstrinsik juga boleh mendorong faktor intrinsik sehingga meningkatkan keyakinan pelajar dan menggalakkan penglibatan yang lebih tinggi untuk mencipta kreativiti. Kajian ini memberi impak kepada tenaga pendidik dan institusi bagi memupuk persekitaran yang menyokong perkembangan kreativiti dan inovasi pelajar, terutamanya dalam konteks pembelajaran berasaskan projek dan pendidikan vokasional. Kajian ini juga menyediakan cadangan bagi tujuan penerokaan yang lebih khusus dalam bidang pendidikan.

## Keywords

Motivation, creative thinking.

## Abstract

*Creative thinking is one of the elements that is emphasized in the Education Program Standards and Creative Multimedia Standards. The emphasis on creative elements is always emphasized, especially in the curriculum of the Bachelor of Education (Vocational) Creative Multimedia program at UTHM or known by the program code BBF. Therefore, this study was conducted to see the relationship between motivation and creative thinking among students for the BBF Bachelor of Education (Vocational) Creative Multimedia program or better known as BBF from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). The respondents selected were students who were carrying out the Bachelor of Education Project (PSM).*

*This quantitative study was conducted to identify the motivational factors that influence elements of creative thinking such as novelty, usefulness, fluency, flexibility, and problem-solving. Data were collected and analyzed descriptively and correlationally to assess students' perceptions of these factors. The findings of the study indicate that there is a significant and positive relationship between motivation and creative thinking, with both intrinsic and extrinsic motivation plays a crucial role in stimulating creativity. Intrinsic motivation, driven by interest and desire, encourages students to explore innovative solutions and persist through challenges during the process of working on their PSM. Extrinsic motivation, on the other hand, is driven by external factors such as rewards or through appreciations. At the same time, extrinsic factors can enhance intrinsic motivation by increasing the students' confidence and encouraging higher engagement in creating creativity. This study has an impact on educators and institutions in fostering an environment that supports the development of students' creativity and innovation, particularly in the context of project-based learning (PBL) and vocational education. The study also provides recommendations for further exploration in the field of education.*

## 1. Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dilaksanakan sejak 1996 dan dianggap sebagai akar dalam bidang pendidikan sehingga hari ini. (Rosli, et al., 2022). FPK bertindak sebagai dasar dalam mendidik anak bangsa secara seimbang dan holistik dari aspek jasmani, emosi, intelek dan rohani (JERI). (Rosli, et al., 2022). Frasa kebangsaan ini memberi impak kepada sistem pendidikan di Malaysia termasuklah pendidikan dalam bidang teknik dan vokasional (TVET). Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang dikeluarkan oleh KPTM, (2021) pula, mengetengahkan berkenaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) yang dianggap sebagai salah satu laluan utama dalam bidang pendidikan untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemahiran. Bukan itu sahaja, KPTM, (2021), juga menegaskan bahawa bidang TVET juga boleh menjadi platform ke arah pembelajaran sepanjang hayat dan menyumbang dalam pembentukan masyarakat yang berpengetahuan, kreatif dan inovatif.

Menurut pihak MQA pula, antara hasil pembelajaran yang seharusnya ada di dalam diri seorang graduan bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran tetapi juga keupayaan kognitif terutama dari aspek pemikiran kreatif. (MQA, 2015; MQF 2021). Situasi ini dapat dikaitkan dengan kepentingan akan kewujudan pendidikan TVET sebagaimana yang dinyatakan berdasarkan perspektif Jia et al. (2024), yang menekankan pendidikan TVET dibangunkan bertujuan untuk mendidik sekaligus menyediakan pelajar yang memiliki kemahiran, pengetahuan serta keupayaan dalam pemikiran kreatif selari dengan standard yang ditetapkan MQA. Keupayaan kognitif dari aspek kreativiti menunjukkan lagi kepentingannya apabila pihak KPTM (2021), menyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) berkenaan aspek kreatif merupakan sebahagian daripada keperluan bagi melahirkan individu yang yang holistik dan seimbang. Tegas KPTM (2021) lagi, pemikiran kreatif diperlukan supaya pelajar boleh memaksimumkan potensi mereka dan bersaing di dalam dunia penuh cabaran ini. Xu et al., (2024), memberi pandangan berkenaan pemikiran kreatif boleh membantu dalam perkembangan intelektual seorang individu secara general dan menganggap pemikiran ini adalah salah satu cara bagi seseorang individu terutama individu yang bergelar pelajar, untuk mencungkil bakat atau kemahiran lain yang dimiliki dalam diri mereka. Pernyataan ini disokong lagi oleh Wahid et al. (2021), dan

menambah, kreativiti harus diterapkan dalam sesi pembelajaran masa kini bagi mempersiapkan graduan yang berbakat serta tinggi daya kognitif dan afektif mereka agar pelajar boleh berhadapan dengan cabaran dunia yang sentiasa berkembang pesat dari masa ke masa (KPTM, 2021). Wahid et al., (2021), sangat yakin, kreativiti ini wujud selari dengan konsep inovatif dan adaptasi kerana kedua-dua elemen ini merupakan sebahagian perkara yang memberi perubahan kepada sesebuah komuniti. Dari sudut pandang para pengkaji ini kreativiti dianggap keupayaan untuk berfikir secara unik dalam penjanaan idea baru, asli, dan berguna. Pernyataan ini disokong padu oleh Sidek et al., (2021), dan menyatakan perspektif mereka dalam konteks pemikiran kreatif, bahawa unik dan asli tidak dapat mencukupi keperluan inovasi sekiranya idea tersebut tidak memberi impak yang mampu mengubah kehidupan manusia yang kian membangun dan mencabar.

Cremades-Andreu dan Lage-Gómez, (2024) berpendapat, proses pemikiran kreatif boleh terbentuk sekiranya berlaku rangsangan psikologi yang tinggi daripada motivasi sama ada secara intrinsik atau ekstrinsik. Maka, para penyelidik ini percaya lebih tinggi motivasi seseorang individu itu, sikap yang ditonjolkan oleh individu tersebut akan lebih aktif dan gigih berusaha dalam menyelesaikan tugas, sekaligus membolehkan individu untuk meneroka dan menjana idea baru yang berkesan untuk menyelesaikan masalah (McInerney, 2019). Motivasi yang tinggi boleh memacu kearah pemikiran kreatif dengan menggalakkan individu untuk mengambil risiko, berfikir di luar kotak, dan menghasilkan penyelesaian inovatif (Cremades-Andreu dan Lage-Gómez, 2024). Dalam masa yang sama, Thoudam et al., (2022), percaya kewujudan motivasi dalam diri seseorang adalah punca kepada sesuatu perjalanan untuk memulakan sesuatu perkara bahkan para penyelidik ini yakin faktor motivasi menjadi punca berlakunya kreativiti dan inovatif sehingga membuka peluang dan potensi diri seseorang ke arah kejayaan.

## 1.1 Latar belakang Kajian

Menurut laporan dikeluarkan oleh World Economic Forum (2023), kreativiti dianggap sebagai kelebihan kognitif yang sangat dihargai dalam mana-mana bidang pekerjaan. World Economic Forum (2023), menambah lagi dalam laporannya bahawa kebanyakan organisasi yang wujud kini memberi latihan yang membantu dalam perkembangan kreativiti dan inovasi sejak dari tahun 2023 kerana ingin meletakkan keupayaan berfikir secara kreatif dan inovatif sebagai salah satu kompetensi asas di dalam dunia pekerjaan. Statistik yang dikeluarkan oleh World Economic Forum (2023), berkenaan revolusi keupayaan, kemahiran serta sikap yang diperlukan oleh industri di seluruh dunia dalam tempoh lima tahun dari 2023 sehingga 2027 menunjukkan bahawa pemikiran kreatif adalah kompetensi yang sangat diutamakan oleh pihak industri di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. World Economic Forum, (2023), ada mengeluarkan laporan statistik keupayaan, kemahiran dan sikap yang perlu ditingkatkan di dalam industri di Malaysia. Tiga keupayaan dan kemahiran yang perlu dipertingkatkan lagi di Malaysia menunjukkan peratus sehingga 51%. Pemikiran kreatif antara keupayaan utama diperlukan di Malaysia diikuti dengan kemahiran AI dan *big data* serta keupayaan berfikir secara analitik. Berdasarkan statistik-statistik ini, pemikiran kreatif menjadi salah satu tunjang di dalam industri pekerjaan masa kini. Oleh itu, elemen kreativiti harus diterapkan dan ditekankan lagi oleh institusi pendidikan dalam membentuk pelajar yang kreatif lagi inovatif supaya dapat memenuhi keperluan industri. (Robert & Che Leh, 2024). Dalam masa yang sama, Robert dan Che Leh, (2024), pendidikan yang menyetengahkan elemen kreatif didalam pembelajaran akan menghasilkan pelajar yang bijak dalam menyelesaikan masalah serta memiliki daya saing yang tinggi sesuai dengan peredaran teknologi global masa kini.

Nufus et al., (2024), menjelaskan secara umum bahawa pemikiran kreatif adalah kemampuan individu menyelesaikan masalah dengan menggunakan segala pendekatan yang berbeza, fleksibel, serta keaslian idea yang berguna sekaligus memberi impak positif kepada para pelajar. Nufus et al., (2024) juga menitik beratkan penggunaan pemikiran kreatif di dalam diri pelajar bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah tetapi juga membantu pelajar mengadaptasi diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian. Ketiadaan pemikiran kreatif menurut Nufus et al., (2024), menyukarkan seseorang berhadapan dengan rintangan serta perubahan yang berlaku dalam hidupnya. Jelaslah bahawa proses pemikiran kreatif dalam diri pelajar menunjukkan pentingnya ia bagi menghasilkan kelancaran dalam penjanaan idea-idea baru sekaligus menghasilkan idea yang penuh dengan keaslian yang memberi keberkesanan dalam pembelajaran pelajar seiring dengan keperluan PAK-21. (Novferma et al., 2020).

Menurut Zulkifli et al., (2020), pemikiran kreatif boleh diaktifkan dengan bantuan motivasi. Faktor ini juga ada dinyatakan di dalam penyelidikan Wahid et al., (2021), yang percaya dorongan motivasi membantu pelajar untuk melibatkan diri dalam pembelajaran sekaligus meningkatkan kreativiti dan inovasi di dalam menghasilkan pembelajaran yang efektif. Namun, para penyelidik ini tetap meluahkan rasa bimbang mereka kerana kreativiti dan inovasi boleh terhalang sekiranya tiada dukungan daripada keluarga, guru, termasuklah persekitaran yang mengekang terbentuknya proses pemikiran kreatif. Situasi seperti ini menurut Zulkifli et al., (2020), boleh menyebabkan proses kognitif individu dari sudut kreativiti menjadi kurang dan kaku. Zakaria dan Norul'Azmi (2023) menyokong isu tersebut dan menambah berkenaan kognitif pelajar dari aspek kreatif tidak

akan terbentuk sekiranya pelajar tidak diberi dorongan serta ruang untuk meneroka solusi dalam menyelesaikan masalah. Para penyelidik ini juga menyatakan kesan kepada pelajar adalah dari segi minat dan keterlibatan pelajar dalam menghasilkan solusi kreatif dan kritis akan terhalang. Zulkifli et al., (2020), percaya bahawa kreativiti terhasil daripada motivasi yang berkait rapat dengan konsep fleksibiliti di mana individu kreatif ini kebiasaannya dipengaruhi dengan cara pemikiran seseorang. Dalam masa yang sama, pengkaji juga menyatakan bahawa pemikiran kreatif ini dipengaruhi dengan keterbukaan pemikiran seseorang itu. Para ilmuwan ini menjelaskan pemikiran yang terbuka dapat dilihat melalui personaliti individu dalam menerima kritikan, serta keberanian untuk menghadapi risiko.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif bagi mencapai matlamat kajian yang dijalankan. Objektif tersebut adalah :

1. Mengenalpasti tahap persepsi pelajar tentang faktor-faktor motivasi dan pemikiran kreatif pelajar BBF dalam Projek Sarjana Muda (PSM).
2. Mengenalpasti tahap persepsi pelajar terhadap elemen pemikiran kreatif yang mempengaruhi pelajar BBF dalam Projek Sarjana Muda (PSM).
3. Mengkaji hubungan antara motivasi dan pemikiran kreatif pelajar BBF dalam dalam Projek Sarjana Muda (PSM).

## 1.3 Skop dan Limitasi Kajian

Pengkaji melakukan kajian ini untuk melihat hubungan antara motivasi dan pemikiran kreatif dalam Projek Sarjana Muda (PSM) bagi pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) atau BBF dengan Kepujian daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) bertempat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. Kajian ini juga memfokuskan kepada persepsi para pelajar terhadap dorongan motivasi yang merangsang pemikiran kreatif mereka. Pemilihan pelajar dari institusi ini juga membantu pengkaji dalam penjimatan kos serta masa yang diberikan kepada pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian ini. Bukan itu sahaja, kajian hanya tertumpu pada pelajar yang berkaitan dengan program Multimedia Kreatif (BBF) sahaja dan tidak melibatkan mana-mana pihak atau jabatan lain yang tidak berkaitan dengan kajian ini.

## 2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif kerana pendekatan ini sesuai untuk menjelaskan fenomena yang berlaku di dalam suatu populasi (Creswell, 2018). Penyelidikan ini melibatkan kaedah tinjauan kerana menurut Brewer et al., (2019), kajian berbentuk tinjauan ini sesuai untuk mendapatkan penerangan dari segi pendapat, persepsi, sikap atau sesuatu aliran dalam populasi tersebut dengan mengkaji sampel daripada populasi yang dipilih. Kaedah tinjauan digunakan bagi mendapatkan persepsi pelajar Multimedia Kreatif berkenaan hubungan antara motivasi dan pemikiran kreatif. Oleh itu, kaedah statistik deskriptif digunakan bagi menjawab persoalan dalam kajian ini. Manakala kaedah korelasi Pearson adalah untuk menganalisa hubungan antara motivasi dan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar Multimedia Kreatif di UTHM. Data-data kuantitatif dikumpul menggunakan instrumen soal selidik. Reka bentuk soal selidik adalah soalan yang berstruktur dan berkait rapat dengan motivasi dan elemen pemikiran kreatif. Selain itu, persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan bagi mengumpulkan data yang relevan dengan objektif kajian. 58 orang responden merupakan jumlah keseluruhan pelajar yang sedang melaksanakan Projek Sarjana Muda (PSM) daripada program BBF. Pengumpulan data soal selidik akan dilakukan melalui internet untuk mendapatkan jumlah responden seperti mana yang ditetapkan oleh pengkaji. Tujuan soal selidik dilakukan menggunakan capaian internet adalah untuk memberi kemudahan kepada para responden dalam menjawab soal selidik tersebut kerana segalanya hanya di hujung jari.

## 3. Dapatan Kajian

### 3.1 Hasil Analisis Deskriptif

#### 3.1.1 Analisis Deskriptif Bagi Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Motivasi Intrinsik Yang Mempengaruhi Pemikiran Kreatif Pelajar BBF Dalam Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 1** Analisis deskriptif bagi faktor motivasi intrinsik

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Saya beranggapan bahawa saya seorang yang kreatif.	3.40	0.58	Sederhana
2	Jika saya fikir diri saya kreatif maka saya akan menjadi kreatif.	3.47	0.59	Sederhana
3	Saya suka mengetahui potensi kreativiti diri sendiri melalui hasil kerja saya.	3.56	0.55	Tinggi
4	Saya suka mencari cara baru untuk melakukan sesuatu.	3.60	0.50	Tinggi
5	Saya sedia mengambil risiko dengan melakukan perkara baru.	3.42	0.63	Sederhana
6	Saya mahu mempelajari perkara baru di luar bidang pengetahuan saya	3.58	0.55	Tinggi
7	Saya lebih suka meneroka idea dan teori berbanding fakta dan angka.	3.53	0.63	Tinggi
8	Saya suka bertanya banyak soalan sebelum memberi respons.	3.44	0.70	Sederhana
9	Saya lebih suka menggunakan cara sedia ada dalam melakukan sesuatu daripada menggunakan kaedah yang baru.	3.33	0.72	Sederhana
10	Saya gemar melakukan perkara yang merangsang minda.	3.49	0.67	Sederhana
11	Saya bekerja keras untuk memastikan sesuatu matlamat saya tercapai	3.56	0.59	Tinggi
12	Saya sentiasa tidak berpuas hati dengan pencapaian saya.	3.02	0.96	Sederhana
13	Saya sentiasa ingin berada di zon selesa tanpa perlu bersusah payah dalam menghasilkan projek saya.	2.98	0.96	Sederhana
14	Saya selalu melayari Internet bagi mendapatkan maklumat terkini bagi menghasilkan projek saya.	3.56	0.67	Tinggi
15	Saya sentiasa dijadikan tempat rujukan oleh rakan-rakan sekerja saya atas kebolehan yang saya miliki.	3.33	0.72	Sederhana
16	Saya sangat minat menggunakan kreativiti saya dalam penghasilan projek saya.	3.63	0.49	Tinggi
17	Saya sentiasa bersedia dengan pelbagai kemungkinan hasil daripada kreativiti saya.	3.53	0.55	Tinggi
<b>Nilai purata</b>		<b>3.44</b>		<b>Sederhana</b>

Jadual 1 memaparkan analisis deskriptif terhadap faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi pemikiran kreatif pelajar BBF dalam Projek Sarjana Muda (PSM). Selain itu, hasil analisa menunjukkan tiada item yang memiliki skor rendah. Item soalan no. 16, "Saya sangat minat menggunakan kreativiti saya dalam penghasilan projek saya" (M=3.63, SP=0.49) adalah soalan yang memiliki skor min tertinggi daripada soalan-soalan lain. Kedua tinggi adalah item soalan No. 4 yang diajukan kepada responden ialah "Saya suka mencari cara baru untuk melakukan sesuatu" (M=3.60, SP=0.50). Bagi faktor motivasi intrinsik, dapatan kajian menunjukkan faktor ini mempengaruhi pemikiran kreatif pelajar-pelajar yang menjalani Projek Tahun Akhir dengan purata min sebanyak 3.44 dan interpretasi yang berada pada tahap sederhana.

### 3.1.2 Analisis Deskriptif Bagi Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Motivasi Ekstrinsik yang Mempengaruhi Pemikiran Kreatif Pelajar BBF Dalam Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 2** Analisis deskriptif bagi faktor motivasi ekstrinsik

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Saya sering diberi peluang untuk berkreativiti dalam tugas.	3.49	0.59	Sederhana
2	Persekitaran saya yang selesa membantu dalam menghasilkan kreativiti dalam diri saya.	3.40	0.66	Sederhana
3	Rakan-rakan sekumpulan saya sama-sama menyumbang idea yang	3.53	0.63	Tinggi

	kreatif.			
4	Saya berasa selesa dan selamat bekerja dalam kumpulan.	3.53	0.59	Tinggi
5	Saya sering terpilih/dipilih dalam mewakili kelas/kohort.	2.91	1.00	Sederhana
6	Saya berpendapat, pujian daripada orang sekeliling meningkatkan semangat saya dalam menghasilkan projek	3.51	0.59	Tinggi
7	Saya berasa kreativiti yang saya hasilkan dalam projek saya perlu diberi penghargaan.	3.47	0.67	Sederhana
8	Saya beranggapan bahawa kursus profesional dapat meningkatkan kreativiti saya	3.58	0.50	Tinggi
9	Saya bersedia dibantu oleh rakan-rakan yang memerlukan dalam menyiapkan tugas.	3.53	0.59	Tinggi
10	Saya berpandangan bahawa pemikiran kreatif penting bagi seorang pelajar.	3.60	0.50	Tinggi
11	Saya berpendapat, pemikiran kreatif merupakan salah satu kemahiran berfikir yang diperlukan dalam melakukan apa-apa jua tugas.	3.63	0.49	Tinggi
12	Saya gembira sekiranya ada pihak yang menghargai idea yang saya sumbangkan.	3.67	0.47	Tinggi
13	Saya suka dengan tugas atau projek yang diberikan kerana saya boleh menggunakan kreativiti dalam menghasilkan sesuatu.	3.58	0.55	Tinggi
14	Saya yakin pemikiran kreatif mampu mewujudkan tarikan dalam sesuatu projek atau tugas.	3.60	0.50	Tinggi
15	Kebergunaan daripada hasil projek saya memberikan saya semangat untuk terus menghasilkan kreativiti yang baru.	3.49	0.55	Sederhana
16	Saya berpendapat pengalaman saya dalam kelas memberi impak kepada pemikiran kreatif saya dalam menghasilkan projek yang menarik.	3.56	0.58	Tinggi
17	Saya berpendapat semangat dan dorongan daripada rakan serta tenaga pengajar memberi impak kepada kreativiti saya.	3.58	0.59	Tinggi
<b>Nilai purata</b>		<b>3.51</b>		<b>Tinggi</b>

Jadual 2 adalah hasil kajian yang menunjukkan faktor motivasi ekstrinsik memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap pemikiran kreatif di dalam kalangan pelajar yang sedang menjalani Projek Sarjana Muda. Jadual 2 juga memaparkan item soalan no 12 mempunyai nilai min yang tertinggi dengan pernyataan "Saya gembira sekiranya ada pihak yang menghargai idea yang saya sumbangkan" (M=3.67, SP=0.47). Item soalan yang kedua tinggi adalah pada no 11 "Saya berpendapat, pemikiran kreatif merupakan salah satu kemahiran berfikir yang diperlukan dalam melakukan apa-apa jua tugas." (M=3.63, SP=0.49). Secara keseluruhannya, nilai purata min adalah 3.51 dan berada pada tahap yang tinggi. Perkara ini menunjukkan motivasi ekstrinsik sangat mendorong kepada perkembangan pemikiran kreatif pelajar.

### 3.1.3 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar terhadap Elemen Keaslian dalam Pemikiran Kreatif yang Mempengaruhi Pelajar BBF dalam Menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 3** Analisis deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif iaitu keaslian

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Saya mampu menghasilkan idea atau solusi yang baru	3.44	0.70	Sederhana
2	Melalui kaedah kolaborasi, saya bersama-sama rakan sekumpulan boleh menghasilkan produk yang baru dan unik.	3.60	0.54	Tinggi
3	Pensyarah memberi ruang untuk saya memberi pendapat dalam projek akhir.	3.63	0.54	Tinggi
4	Saya boleh mengaitkan pembelajaran atau pengalaman yang lepas untuk menghasilkan idea baru dan asli.	3.44	0.67	Sederhana

5	Saya melakukan keputusan yang tidak pernah dilakukan oleh orang lain.	3.30	0.71	Sederhana
6	Saya sering mencetuskan idea/ jawapan/ keputusan baru dan diluar jangkaan.	3.37	0.64	Sederhana
7	Saya menggunakan Internet dalam pencetusan idea atau solusi baru.	3.63	0.54	Tinggi
	Pensyarah memberi peluang saya menghasilkan idea dan produk baru.	3.60	0.62	Tinggi
9	Kursus dalam bidang multimedia mengasah pemikiran kreatif saya dalam menghasilkan inovatif baru.	3.60	0.58	Tinggi
10	Saya perlukan sokongan daripada rakan/pensyarah dalam menghasilkan produk yang baru dan unik kepada pengguna.	3.63	0.62	Tinggi
<b>Nilai purata</b>		<b>3.53</b>		<b>Tinggi</b>

Jadual 3 adalah analisa yang telah dilakukan penyelidikan secara deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif yang pertama iaitu keaslian. Hasil menunjukkan beberapa soalan yang memiliki nilai min dan sisihan piawai yang sama adalah item soalan no 3 "Pensyarah memberi ruang untuk saya memberi pendapat dalam projek akhir." (M=3.63, SP=0.54) diikuti item soalan no 7 "Saya menggunakan Internet dalam pencetusan idea atau solusi baru." (M=3.63, SP=0.54). Seterusnya adalah soalan yang berada pada tahap tertinggi namun memiliki sisihan piawai berbeza iaitu item soalan no 10 "Saya perlukan sokongan daripada rakan/pensyarah dalam menghasilkan produk yang baru dan unik kepada pengguna." (M= 3.63, SP=0.62). Elemen ini memiliki nilai purata min sebanyak 3.53 sekaligus mengesahkan bahawa, responden dilihat mempunyai kecenderungan yang tinggi, dalam pemikiran kreatif bagi aspek keaslian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menghasilkan idea yang baru dan asli dalam PSM.

### 3.1.4 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar terhadap Elemen Kebergunaan dalam Pemikiran Kreatif yang Mempengaruhi Pelajar BBF dalam Menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 4** Analisis deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif iaitu kebergunaan

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Saya boleh menghasilkan idea yang berguna.	3.56	0.50	Tinggi
2	Melalui kaedah kolaborasi, saya boleh menghasilkan idea yang berguna bersama-sama rakan sekumpulan saya.	3.56	0.63	Tinggi
3	Saya mampu menghasilkan produk yang berguna berdasarkan pembelajaran yang lepas.	3.47	0.63	Sederhana
4	Saya boleh membuat keputusan yang baik.	3.47	0.55	Sederhana
5	Saya sering mencetuskan idea/ jawapan/ keputusan yang berkesan.	3.40	0.73	Sederhana
6	Saya menggunakan Internet dalam pencetusan idea yang berguna.	3.58	0.55	Tinggi
7	Projek tahun akhir memberi peluang saya menghasilkan idea dan produk yang berkesan kepada pengguna.	3.58	0.55	Tinggi
8	Projek tahun akhir mengasah pemikiran kreatif saya dalam menghasilkan inovatif yang berguna.	3.56	0.59	Tinggi
9	Saya perlukan sokongan daripada rakan/pensyarah dalam menghasilkan produk yang berkesan dan memberi impak kepada pengguna.	3.51	0.67	Tinggi
10	Saya menghasilkan idea/solusi/keputusan berdasarkan kegunaan kehidupan seharian saya.	3.56	0.55	Tinggi
<b>Nilai purata</b>		<b>3.52</b>		<b>Tinggi</b>

Jadual 4 memaparkan skor min sebagai hasil analisa yang telah dilakukan pengkaji secara deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif yang kedua iaitu kebergunaan. Data menunjukkan dua soalan utama yang memiliki skor min dan sisihan piawai yang sama adalah soalan no 6 “Saya menggunakan Internet dalam pencetusan idea yang berguna.” ( $M=3.58$ ,  $SP=0.55$ ) dan diikuti oleh item soalan no 7 “Projek tahun akhir memberi peluang saya menghasilkan idea dan produk yang berkesan kepada pengguna.” ( $M=3.58$ ,  $SP=0.55$ ). Secara keseluruhannya, analisis ini telah mencerminkan kemampuan pelajar untuk mengaplikasikan elemen kebergunaan dalam kreativiti mereka dalam projek yang dilaksanakan. Kesimpulannya, hasil analisa berpandukan Jadual 4 menandakan bahawa pelajar-pelajar ini memiliki persepsi yang tinggi terhadap elemen kebergunaan yang diukur dalam kajian ini.

### 3.1.5 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar terhadap Elemen Kelancaran dalam Pemikiran Kreatif yang Mempengaruhi Pelajar BBF dalam Menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 5** Analisis deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif iaitu kelancaran

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Pemikiran kreatif membantu saya menyelesaikan masalah dengan cepat.	3.58	0.50	Tinggi
2	Saya mengambil masa yang agak panjang untuk memproses pemikiran kreatif dalam menghasilkan inovatif.	3.42	0.73	Sederhana
3	Saya boleh memberi pendapat secara spontan terhadap sesuatu isu yang dibincangkan oleh pensyarah.	3.26	0.76	Sederhana
4	Saya mampu menghasilkan pelbagai idea atau solusi.	3.49	0.67	Sederhana
5	Saya boleh berfikir secara aktif untuk menghasilkan idea.	3.42	0.70	Sederhana
6	Saya pantas berfikir untuk menambah baik sesuatu cadangan, pendapat atau idea.	3.47	0.60	Sederhana
7	Saya boleh mengaitkan pembelajaran atau pengalaman yang lepas untuk menghasilkan idea.	3.58	0.59	Tinggi
8	Saya menjana idea dengan pantas dalam membuat keputusan.	3.33	0.75	Sederhana
9	Saya sering mencetuskan pelbagai idea/ jawapan/ keputusan diluar jangkaan dalam tempoh yang singkat.	3.42	0.63	Sederhana
10	Saya menggunakan Internet dalam pencetusan idea atau solusi dalam tempoh yang pantas	3.60	0.50	Tinggi
<b>Nilai purata</b>		<b>3.46</b>		<b>Sederhana</b>

Jadual 5 menunjukkan item soalan no 10 “Saya menggunakan Internet dalam pencetusan idea atau solusi dalam tempoh yang pantas.” ( $M=3.60$ ,  $SP=0.50$ ) merupakan soalan yang memiliki skor min tertinggi berbanding soalan-soalan lain. Kedudukan kedua tertinggi adalah pada item soalan no 7 “Saya boleh mengaitkan pembelajaran atau pengalaman yang lepas untuk menghasilkan idea.” ( $M=3.58$ ,  $SP=0.50$ ) dan disusuli dengan item soalan no 1 “Pemikiran kreatif membantu saya menyelesaikan masalah dengan cepat.” ( $M=3.58$ ,  $SP=0.59$ ) yang memiliki skor min yang sama namun perbezaan yang ketara pada nilai sisihan piawai. Keseluruhan purata skor min bagi sepuluh soalan ini adalah 3.46, menandakan tahap kelancaran pemikiran pelajar berada pada paras sederhana. Situasi ini menunjukkan pelajar masih boleh menghasilkan idea kreatif tetapi para pelajar ini memerlukan masa yang sesuai bagi menghasilkan idea-idea baru dan berguna.

### 3.1.6 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar terhadap Elemen Fleksibiliti dalam Pemikiran Kreatif yang Mempengaruhi Pelajar BBF dalam Menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 6** Analisis deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif iaitu fleksibiliti

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Pemikiran kreatif membantu saya menyelesaikan masalah dengan cepat berdasarkan pembelajaran.	3.56	0.55	Tinggi

2	Saya mampu menghasilkan idea bersama-sama rakan sekumpulan saya.	3.40	0.70	Sederhana
3	Saya berupaya untuk mengadaptasi dan meningkatkan keberhasilan idea yang dicadangkan oleh rakan sekumpulan saya.	3.49	0.55	Sederhana
4	Saya boleh menghasilkan idea dengan tekun.	3.44	0.63	Sederhana
5	Saya boleh menerima cadangan rakan sekumpulan saya melalui kaedah kolaborasi.	3.63	0.49	Tinggi
6	Saya boleh menerima cadangan dan boleh menambah baik idea yang diberikan melalui kaedah kolaborasi.	3.56	0.59	Tinggi
7	Saya boleh mengaitkan dan mengadaptasi pembelajaran atau pengalaman yang lepas untuk menghasilkan idea.	3.60	0.50	Tinggi
8	Saya menjana idea yang pelbagai dalam membuat keputusan.	3.53	0.51	Tinggi
9	Saya sering mencetuskan pelbagai idea/ jawapan/ keputusan diluar jangkaan berdasarkan situasi yang berlaku.	3.42	0.70	Sederhana
10	Saya menggunakan internet dalam pencetusan pelbagai idea atau solusi.	3.65	0.48	Tinggi
<b>Nilai purata</b>		<b>3.53</b>		<b>Tinggi</b>

Jadual 6 adalah hasil dapatan yang menunjukkan skor min paling tinggi adalah pada item soalan no 10 “Saya menggunakan internet dalam pencetusan pelbagai idea atau solusi” ( $M=3.65$ ,  $SP=0.48$ ). Diikuti dengan kedua tertinggi iaitu item soalan no 5 “Saya boleh menerima cadangan rakan sekumpulan saya melalui kaedah kolaborasi” ( $M=3.63$ ,  $SP=0.49$ ) dan disusuli dengan item soalan no 7 “Saya boleh mengaitkan dan mengadaptasi pembelajaran atau pengalaman yang lepas untuk menghasilkan idea” ( $M=3.60$ ,  $SP=0.50$ ). Keseluruhan analisa ini ini jelas menandakan bahawa elemen fleksibiliti dalam pemikiran kreatif yang dimiliki oleh para pelajar berada pada tahap yang agak tinggi dengan nilai purata skor min, 3.53. Kesimpulannya, majoriti pelajar menunjukkan fleksibiliti dalam pemikiran kreatif adalah tinggi menandakan elemen ini beri impak positif kepada keberhasilan pelajar dalam menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM) mereka.

### 3.1.7 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar terhadap Elemen Penyelesaian Masalah dalam Pemikiran Kreatif yang Mempengaruhi Pelajar BBF dalam Menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 7** Analisis deskriptif bagi elemen pemikiran kreatif iaitu penyelesaian masalah

Bil	Item Soalan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Pemikiran kreatif membantu saya dalam menyelesaikan masalah.	3.63	0.54	Tinggi
2	Saya mahir menyelesaikan setiap permasalahan sewaktu menjalani projek tahun akhir.	3.53	0.55	Tinggi
3	Saya boleh mengaitkan pembelajaran yang lepas untuk menghasilkan solusi untuk menyelesaikan masalah.	3.49	0.67	Sederhana
4	Saya berupaya membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah dengan baik.	3.51	0.67	Tinggi
5	Saya sering mencetuskan pelbagai idea/ jawapan/ solusi diluar jangkaan mengikut permasalahan yang berlaku.	3.49	0.55	Sederhana
6	Saya menggunakan Internet dalam memberi solusi berdasarkan isu yang berbangkit.	3.60	0.58	Tinggi
7	Projek tahun akhir dapat meningkatkan daya penyelesaian masalah saya.	3.58	0.55	Tinggi
8	Projek tahun akhir mengasah keupayaan saya dalam menyelesaikan masalah secara kreatif.	3.60	0.54	Tinggi
9	Saya menghasilkan idea/solusi berdasarkan pengalaman dan pembelajaran yang lepas.	3.58	0.50	Tinggi
10	Saya perlukan sokongan daripada rakan/pensyarah dalam	3.67	0.47	Tinggi

menyelesaikan isu secara kreatif.

<b>Nilai purata</b>	<b>3.57</b>	<b>Tinggi</b>
---------------------	-------------	---------------

Skor min yang paling tinggi bagi elemen ini adalah pada item soalan no 10 “Saya perlukan sokongan daripada rakan/pensyarah dalam menyelesaikan isu secara kreatif.” (M=3.67, SP=0.47). Item soalan no 1 “Pemikiran kreatif membantu saya dalam menyelesaikan masalah.” (M=3.63, SP=0.54) merupakan soalan yang memaparkan nilai skor min kedua tinggi daripada keseluruhan soalan. Secara keseluruhannya, nilai purata min adalah 3.57 menunjukkan tahap tinggi bagi elemen penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar BBF yang menjalani Projek Sarjana Muda (PSM).

### 3.2 Hasil Analisis Inferensi

#### 3.2.1 Hubungan antara faktor motivasi dan elemen-elemen pemikiran kreatif mempengaruhi pelajar BBF dalam menyelesaikan Projek Sarjana Muda (PSM)

**Jadual 8** Korelasi antara motivasi dan elemen pemikiran kreatif

Pemboleh Ubah	Motivasi Intrinsik	Motivasi Ekstrinsik	Keaslian	Kebergunaan	Kelancaran	Fleksibeliti	Penyelesaian masalah
Motivasi Intrinsik	-	-	0.73**	0.55**	0.71**	0.61**	0.61**
Motivasi Ekstrinsik	-	-	0.83**	0.83**	0.87**	0.85**	0.77**
Keaslian	0.73**	0.83**	-	0.86**	0.83**	0.79**	0.92**
Kebergunaan	0.55**	0.83**	0.86**	-	0.83**	0.79**	0.84**
Kelancaran	0.71**	0.87**	0.83**	0.83**	-	0.84**	0.76**
Fleksibeliti	0.61**	0.85**	0.79**	0.79**	0.84**	-	0.77**
Penyelesaian masalah	0.61**	0.77**	0.92**	0.84**	0.76**	0.77**	-

(Tahap: Tiada hubungan=0.00, Sangat lemah=0.01-0.19, Lemah=0.20-0.39, Sederhana=0.40-0.59, Kuat=0.60-0.79, Sangat Kuat=0.80-0.99, Sempurna=1.00)

Jadual 8 adalah dapatan korelasi bagi setiap pemboleh ubah antara motivasi dan elemen pemikiran kreatif yang menunjukkan hubungan kuat dan positif antara satu sama lain. Hasil dapatan ini juga memaparkan kesemua data memiliki nilai signifikan, p=0.01. Dalam masa yang sama, pengkaji dapati semakin tinggi motivasi, semakin tinggi pemikiran kreatif pelajar dalam melaksanakan Projek Sarjana Muda (PSM). Berdasarkan data ini juga, faktor ekstrinsik cenderung memberi kekuatan kepada pemikiran kreatif pelajar dalam menyiapkan projek mereka. Namun, motivasi intrinsik tetap menyumbang kepada pemikiran kreatif pelajar dalam PSM biarpun nilai korelasi rendah berbanding nilai korelasi motivasi ekstrinsik dan elemen pemikiran kreatif.

## 4. Perbincangan

### Objektif Kajian Satu : Tahap Persepsi Pelajar Tentang Faktor-Faktor Motivasi dan Pemikiran Kreatif Pelajar BBF Dalam Projek Sarjana Muda (PSM)

Motivasi merupakan elemen utama yang mempengaruhi tahap kreativiti dan keberhasilan dalam pembelajaran pelajar, khususnya dalam pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM). Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor motivasi, baik dalaman mahupun luaran, sememangnya memberi impak positif terhadap penglibatan pelajar dalam tugas akademik. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa motivasi secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana sehingga ke tahap tinggi. Dalam konteks kajian ini, faktor motivasi yang mempengaruhi pelajar semasa menjalani pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM) dikategorikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Motivasi intrinsik dalam kajian ini.

Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang timbul daripada minat, keseronokan, dan kepuasan yang diperoleh seseorang semasa melibatkan diri dalam aktiviti. Dalam konteks PSM, motivasi intrinsik pelajar berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Faktor yang pertama ialah dengan meneroka cara baru untuk menyelesaikan masalah di mana pelajar menunjukkan kecenderungan untuk mencari dan mencuba

pelbagai alternatif dalam menyelesaikan masalah atau cabaran sepanjang proses menyelesaikan PSM. Dalam masa yang sama, dorongan intrinsik juga membantu pelajar untuk menghadapi sebarang rintangan sekaligus memperluaskan perspektif mereka dalam mencari solusi yang baru dan kreatif. Bukan itu sahaja, pelajar juga boleh membuat analisa terhadap keberhasilan pembelajaran mereka melalui hasil kerja PSM mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Yustina, et al. (2020). Daripada tugas tersebut seseorang individu dapat memahami, dan mengukur potensi dalam aspek kognitif terutama pemikiran kreatif mereka. Hal-hal intrinsik ini menjadi penggerak kepada pelajar untuk menjalankan PSM mereka tanpa mengharapkan ganjaran. Kajian oleh Morris, et al. (2022) menyokong dapatan ini dan ditambah lagi dengan sokongan serta pernyataan daripada Agrasadya et al. (2024) dorongan dalaman individu ini juga yang membawa kepada penghasilan idea baru dalam jumlah yang banyak dan berguna kepada orang lain.

Faktor motivasi ekstrinsik pula bagi konteks kajian ini, menunjukkan peranan yang signifikan kerana dapatan berkenaan interpretasi motivasi ekstrinsik terletak pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan PSM bagi pelajar. Kajian ini mendapati pujian atau penghargaan daripada warga sekeliling, termasuk pensyarah dan rakan sekumpulan, meningkatkan semangat pelajar dalam meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam pembangunan PSM. Galakan daripada persekitaran yang kondusif membangunkan semangat sekaligus membantu pelajar untuk mengurangkan tekanan dan stres sepanjang menjalani PSM yang mencabar. Bukan itu sahaja, sokongan positif daripada rakan dan pihak pensyarah juga membantu mengembangkan kognitif dan keberhasilan pelajar dalam PSM mereka. Hal ini kerana, bantuan atau galakan yang kuat daripada tenaga pengajar dan rakan-rakan meningkatkan lagi perkongsian maklumat dalam pelbagai bentuk sama ada idea atau solusi sehingga membawa kepada pemikiran kreatif yang tinggi dari aspek kelancaran, keaslian, kebergunaan, fleksibiliti dan penyelesaian masalah.

Pada padangan pengkaji, elemen kreativiti akan terlahir dengan baik apabila seseorang pelajar itu mempunyai motivasi yang kuat sama ada motivasi tersebut datang daripada dalaman individu pelajar sendiri ataupun dipengaruhi oleh motivasi luaran. Oleh yang demikian, setiap entiti yang terlibat samada secara langsung atau tidak terhadap pelajar perlu memberi motivasi yang menyokong ke arah pemikiran kreatif yang baik kerana kesannya boleh memberi impak yang bermakna dalam melahirkan sebuah novelti dalam projek akhir yang baik.

### **Objektif Kajian Kedua : Persepsi Pelajar Tentang Elemen Pemikiran Kreatif Yang Mempengaruhi Pelajar BBF Dalam Projek Sarjana Muda**

Subtopik ini adalah persoalan kedua dalam kajian ini iaitu mengkaji persepsi pelajar terhadap elemen-elemen pemikiran kreatif yang mempengaruhi prestasi dan pencapaian mereka dalam Projek Sarjana Muda (PSM). Hasil analisis menunjukkan bahawa elemen keaslian menandakan tahap pemikiran kreatif pelajar dalam aspek ini sebagai tinggi. Di dalam konteks kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa pelajar diberi sokongan dan kebebasan untuk menyuarakan idea dan pendapat di dalam penghasilan PSM mereka membantu kepada meningkatkan keyakinan diri sehingga menjadi individu yang berani mencuba perkara baru. Tambahan lagi, penggunaan Internet atau teknologi digital juga menyumbang kepada keaslian yang kreatif dan inovatif. Bukan itu sahaja, bantuan Internet atau teknologi digital juga mengembangkan pemikiran kreatif bagi setiap elemen kebergunaan, kelancaran, fleksibiliti dan penyelesaian masalah dalam pembangunan PSM pelajar-pelajar tahun akhir ini. Bagi elemen kebergunaan, sekiranya aspek ini tidak diterapkan dalam diri individu semasa proses pembelajaran mereka, sudah tentu individu tersebut sukar untuk mencipta pembaharuan yang unik dan relevan dengan kehendak masyarakat atau industri. Bahkan individu ini juga akan mengalami kesukaran untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka dalam pelbagai sudut terutama dalam konteks pemikiran kritis dan kreatif.

Dapatan analisa bagi elemen kelancaran berada pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati pelajar mampu berfikir secara kreatif tetapi mereka memerlukan masa untuk menghasilkan idea atau pendapat yang tersendiri. Situasi ini menunjukkan pelajar masih memerlukan sokongan dan latihan yang jitu bagi meningkatkan daya kemampuan pelajar untuk melancarkan proses pemikiran mereka secara kreatif. Menurut Ismail et al. (2020), kaedah seperti brainstorming, maklum balas yang positif atau refleksi diri boleh digunakan untuk membantu melancarkan proses kognitif kreatif pelajar. Selain itu, kajian ini mendapati pelajar-pelajar ini memiliki keupayaan yang tinggi untuk menerima dan mengubahsuaikan pendapat daripada rakan-rakan sekeliling mereka sejajar dengan pendapat Ambo et al. (2020) berkenaan elemen fleksibiliti yang memberi kesan positif terhadap personaliti seseorang individu untuk lebih terbuka dalam menerima perspektif yang berbeza. Novferma et al. (2020) percaya, pelajar yang tidak fleksibel untuk mengadaptasi idea membawa kepada penurunan jumlah penajaan solusi kreatif lalu menghalang produktiviti yang unik.

Elemen penyelesaian masalah yang tinggi membuka jalan kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan agar objektif yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Dalam masa yang sama, melalui pembelajaran menggunakan projek juga memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka kaedah yang baru dan pelbagai untuk menyelesaikan masalah secara inovatif. Elemen penyelesaian masalah dalam pemikiran kreatif perlu dititikberatkan kerana elemen ini berguna untuk mencipta solusi yang berkesan di dalam

kehidupan. Penerapan elemen ini di dalam pendidikan secara tidak langsung membangunkan ciri-ciri positif dalam diri seseorang. Hal ini kerana, pelajar yang rajin berusaha menyelesaikan persoalan yang berbangkit, secara tidak langsung akan sabar menghadapi dugaan serta bijak mengadaptasi solusi sesuai dengan rintangan yang dihadapi.

Secara keseluruhannya, pengkaji berpandangan bahawa untuk melabelkan seseorang pelajar itu kreatif atau tidak bukan sekadar melihat kepada karya akhirnya semata-mata, sebaliknya terdapat beberapa elemen yang perlu ditafsirkan secara bersama iaitu antaranya elemen kelancaran, penyelesaian masalah, fleksibiliti, keaslian dan lain-lain yang menyokong.

### **Objektif Kajian Ketiga : Hubungan Antara Motivasi Dan Pemikiran Kreatif Pelajar BBF Dalam Projek Sarjana Muda (PSM)**

Hasil penyelidikan mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar BBF yang menjalani PSM. Kedua-dua jenis motivasi, iaitu intrinsik dan ekstrinsik, memberi kesan positif terhadap elemen-elemen pemikiran kreatif seperti keaslian, kebergunaan, kelancaran, fleksibiliti, dan penyelesaian masalah. Motivasi intrinsik, yang timbul daripada minat dan semangat untuk mencuba alternatif dalam menyelesaikan masalah, membantu pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif untuk mencapai objektif PSM mereka. Faktor ekstrinsik seperti galakan pendidik dan rakan-rakan membentuk persekitaran yang positif untuk pelajar berjaya dalam PSM mereka. Secara tidak langsung, galakan di sekeliling pelajar menimbulkan rasa dihargai sehingga pelajar terus maju ke arah yang kecemerlang di dalam pembelajaran mereka. Kajian ini juga menyokong bahawa faktor luaran boleh mendorong dan menguatkan motivasi intrinsik pelajar, menjadikan mereka lebih bersemangat untuk mengembangkan idea-idea baru dan menyelesaikan masalah dalam PSM mereka. Fenomena-fenomena ini sangat selari dengan pandangan yang telah diberikan oleh Agrasadya et al. (2024) berkenaan sokongan sosial dan penghargaan luar meningkatkan motivasi pelajar, sekaligus merangsang pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar BBF.

**Pada pandangan pengkaji, hubungan antara kedua pembolehubah ini seperti dalam jangkaan awal iaitu keduanya mempunyai hubungan yang signifikan dan kuat.**

## **5.1 Kesimpulan**

Motivasi menjadi tunjang utama dalam merangsang pemikiran kreatif pelajar BBF yang menjalani PSM. Motivasi intrinsik berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik untuk memberi dorongan mengekalkan komitmen mereka sepanjang penyelesaian PSM. Secara tidak langsung, komitmen yang diberikan pelajar melalui keinginan membuatkan pelajar untuk berani mengambil risiko untuk mencuba dan mendalami pelbagai perspektif agar mereka dapat mencapai objektif PSM sekaligus membawa pelajar ke arah kejayaan dalam pendidikan yang diceburi. Dapatan ini juga menunjukkan pelajar mengambil tempoh masa yang tertentu untuk menjana idea dan solusi menandakan tahap kelancaran pelajar dalam menghasilkan solusi alternatif secara spontan masih belum mencapai tahap yang ideal. Namun, ini bukanlah penghalang kepada pelajar untuk menggunakan pemikiran kreatif mereka kerana pelajar masih memiliki tahap fleksibiliti yang tinggi membuatkan mereka masih berupaya untuk menghasilkan keaslian yang berguna mengikut kehendak yang tertentu. Kajian juga menunjukkan semakin tinggi motivasi semakin berkembang tahap pemikiran kreatif pelajar dalam setiap elemen terutama elemen keaslian, kebergunaan, fleksibiliti, dan penyelesaian masalah. Elemen kelancaran pula masih berada pada tahap yang memuaskan namun masih boleh dipertingkatkan lagi dengan kaedah yang betul.

## **5.2 Cadangan**

Penyelidikan yang dilakukan boleh ditambahbaik dan dikembangkan lagi pada masa hadapan dalam usaha untuk menghasilkan kepelbagaian dalam kajian akan datang. Kajian ini hanya melibatkan satu institusi pengajian di dalam sebuah fakulti dan hanya melibatkan persepsi daripada pelajar PSM untuk satu program sahaja. Justeru, pengkaji mencadangkan untuk menggunakan lebih ramai pelajar daripada institusi atau program yang berbeza untuk mengkaji lebih lanjut berkenaan motivasi dan pemikiran kreatif mereka. Bukan itu sahaja, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan hasil dapatan bagi kajian ini. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian selanjutnya boleh menggunakan pendekatan lain seperti pendekatan kualitatif untuk mendapatkan dapatan yang lebih mendalam. Antara saranan lain yang diajukan pengkaji adalah dengan melakukan analisis perbezaan bagi motivasi dan pemikiran kreatif berdasarkan demografi pelajar seperti umur, jantina, latar belakang etnik, dan status sosial ekonomi. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan untuk menerapkan teori atau model yang bersesuaian dengan motivasi dan pemikiran kreatif. Sebagai contoh, teori-teori motivasi seperti Self-Determination Theory (SDT) atau Expectancy-Value Theory boleh digunakan untuk

mengkaji hubungan antara faktor motivasi dan kreativiti. Secara keseluruhannya, setiap cadangan ini dapat memperkaya pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti pelajar sekaligus menjadi panduan dalam merangka intervensi yang lebih berkesan agar motivasi dan inovasi terus dipertingkatkan dalam bidang pendidikan di Malaysia.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan sokongan dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan sehingga ke pengakhir pembuatan kajian ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keseluruhan proses penyelidikan ini, termasuk perancangan dan reka bentuk, pengumpulan data, analisis dan interpretasi hasil yang telah dinyatakan di dalam penulisannya.

## Rujukan

- Agrasadya, A., Latif, L., & Sunarto, A. (2024). Increasing Students' Learning Motivation At The Rumah Dhuafa Aulia Foundation To Prepare Superior Human Resources For A Golden Indonesia 2045. *International Journal of Engagement and Empowerment (IJE2)*, 4(1), 131–135. <https://doi.org/10.53067/ije2.v4i1.153>
- Ambo, N., Siew, N. M., & Han, C. G. K. (2020). Meneroka kreativiti saintifik melalui pembelajaran STEM berasaskan projek: satu kajian rintis. *Journal for Educational Thinkers*, 55-70.
- Brewer, E., Torrissi-Steele, G., & Wang, V. (2019). Survey Research: Core Principles and Discussion Points. In *Handbook of Research on Survey Research*, 257-276. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-7730-0.CH012>.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Cremades-Andreu, R., & Lage-Gómez, C. (2024). Different forms of students' motivation and musical creativity in secondary school. *British Journal of Music Education*, 41(1), 20-35. <https://doi.org/10.1017/S0265051723000232>
- Ismail, A., @Ismail, F. L. M., Sulaiman, A., Nizah, M. a. M., Latiff, L. A., Sulaiman, M., Yaacob, S. N. M., & Kandil, H. M. T. E. (2020). Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah. *Jurnal Sains Insani*, 5(1), 43–47. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.133>
- Jia, L., Rasul, M. S., & Jalaludin, N. A. (2024). Design Thinking in TVET: Perspectives, Opportunities and Challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 1359-1364.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM). (2021). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2015-2025: Pendidikan tinggi*.
- McInerney, D. M. (2019). Motivation. *Educational Psychology*, 39(4), 427-429. <https://doi.org/10.1080/01443410.2019.1600774>
- Malaysian Qualifications Agency. (2015). *Standard Program: Multimedia Kreatif*. Malaysian Qualifications Agency. Retrieved from [https://www2.mqa.gov.my/qad/PS/PS%20CMM%20\(BM\).pdf](https://www2.mqa.gov.my/qad/PS/PS%20CMM%20(BM).pdf)
- Malaysian Qualifications Agency. (2021). *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2nd Edition*. Malaysian Qualifications Agency. Retrieved from <https://www.mqa.gov.my/pv4/document/mqf/2021>
- Morris, L. S., Grehl, M. M., Rutter, S. B., Mehta, M., & Westwater, M. L. (2022). On what motivates us: A detailed review of intrinsic v. extrinsic motivation. *Psychological Medicine*, 52(10), 1801-1816. <https://doi.org/10.1017/S0033291722001611>
- Nufus, H., Muhandaz, R., Hasanuddin, Nurdin, E., Ariawan, R., Fineldi, R. J., Hayati, I. R., & Situmorang, D. D. B. (2024). Analyzing the students' mathematical creative thinking ability. *Heliyon*, 10, e24871. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2024.e24871>
- Novferma, N., Sabil, H., & Romundza, F. (2020). Analysis of Creative Thinking Skills and Student Learning Motivation in Solving Problems. <https://doi.org/10.4108/eai.30-9-2019.2291215>.

- Robert, F., & Che Leh, F. (2024). Application of elements of creativity and innovation in the teaching of secondary school geography in Malaysia. *GEOGRAFI*, 12(1), 84–103. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.1.5.2024>
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.7>
- Sidek, R., Halim, L., & Buang, N. A. (2021). Science Teachers' Conceptions and Perceptions of Scientific Creativity and Approaches to Nurture It in Science Teaching and Learning in Secondary School. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(1), 95-102. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.1.9.2021>
- Thoudam, P., Anwar, I., Bino, E., Thoudam, M., Chanu, A. M., & Saleem, I. (2022). Passionate, motivated and creative yet not starting up: A moderated-moderation approach with entrepreneurship education and fear of failure as moderators. *Industry and Higher Education*. <https://doi.org/10.1177/09504222221120779>
- Wahid, F. A. A., Husain, A. H., & Haris, Z. (2021). Creativity Element In 21st Century Learning: Theory and Affecting Factors. *International Journal of Creative Industries*, 3(8), 13–36. <https://doi.org/10.35631/ijcrei.38002>
- World Economic Forum. (2023). The Future of Jobs Report 2023. Retrieved from <https://www.weforum.org/publications/the-future-of-jobs-report-2023/in-full/4-skills-outlook/>
- Xu, Y., Sheng, H., Li, Y., & Liu, Q. (2024). Abraham Maslow's hierarchy of needs and motivation. *International Journal of Mathematics and Systems Science*, 7(4), 1-77. EnPress Publisher. <https://systems.enpress-publisher.com/index.php/IJMSS>
- Zulkifli, N., Hamzah, M. I., & Abdul Razak, K. (2020). Motivating factors for creativity among polytechnic students. *Asian People Journal*, 3(2), 210. <http://dx.doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.210>
- Zakaria, N. S., & Norul'Azmi, N. A. (2023). Analisis kreativiti guru pelatih terhadap perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mendepani era 4.0. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 24(2), 1-15.